

HUKUM AMALAN MEMBAWA BUNGA KETIKA MENZIARAH KUBUR

Menziarahi kubur merupakan amalan yang digalakkan dalam Islam. Ini kerana amalan menziarahi kubur lebih mendekatkan seseorang untuk mengingati hakikat kematian. Hal tersebut selari dengan hadis Baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam* iaitu:

أَكْثَرُوا ذِكْرَ هَازِمِ اللَّذَاتِ يَغْنِي الْمَوْتَ

Maksudnya: “Perbanyaklah mengingati pemutus segala kenikmatan iaitu kematian.”

(Hadis Riwayat at-Tirmizi, no. 2307)

Menziarahi kubur juga memiliki kelebihan dan hikmah, antaranya ialah menjadi peringatan kepada kita bahawa realiti kehidupan di dunia hanyalah sementara dan betapa pentingnya untuk memperbanyakkan amal kebaikan dan meninggalkan perkara yang sia-sia serta dosa. Selain itu, ia dapat mendidik jiwa kita supaya sentiasa merendah diri, tidak angkuh dan leka dengan kenikmatan di dunia serta bersedia untuk menghadapi alam akhirat. Demikian hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud *Radhiallahu 'anh*, bahawa Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda mengenai anjuran ziarah kubur iaitu:

نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ فَزُورُوهَا فَإِنَّ فِي زِيَارَتِهَا تَذْكَرَةً

Maksudnya: “Aku telah melarang kamu menziarahi kubur, sekarang ziarahlah kubur, kerana dalam ziarah itu terdapat peringatan (mengingat kematian).”

(Hadis Riwayat Abu Daud, no. 3235)

Hadis ini menjelaskan bahawa menziarahi kubur suatu amalan yang diharuskan dan dituntut kepada umat Islam untuk melakukannya. Namun ziarah ini mestilah dilakukan beserta adab-adab yang telah diajarkan oleh Baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam* dan para ulama agar amalan kebaikan ini tidak bertukar menjadi suatu yang tercela. Antaranya, menziarahi kubur dengan mengucapkan salam, membaca doa untuk ahli kubur, tidak memuja kubur dan melakukan apa jua perbuatan yang bertentangan dengan hukum syarak.

Selain itu, terdapat juga perbuatan lain yang pernah dilakukan oleh Baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam* tatkala menziarahi kubur seperti hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma*, iaitu:

مَرَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِقَبْرَيْنِ فَقَالَ " إِنَّهُمَا لَيُعَذَّبَانِ ، وَمَا يُعَذَّبَانِ فِي كَبِيرٍ أَمَّا أَحَدُهُمَا فَكَانَ لَا يَسْتَتِرُ مِنَ الْبَوْلِ ، وَأَمَّا الْآخَرُ فَكَانَ يَمْشِي بِالنَّمِيمَةِ . ثُمَّ أَخَذَ جَرِيدَةً رَطْبَةً ، فَشَقَّهَا نِصْفَيْنِ ، فَغَرَزَ فِي كُلِّ قَبْرٍ وَاحِدَةً . قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ ، لِمَ فَعَلْتَ هَذَا قَالَ " لَعَلَّهُ يُخَفَّفُ عَنْهُمَا مَا لَمْ يَنْبَسَا .

Maksudnya: Bahawasanya baginda berjalan melewati dua kubur yang (penghuninya) sedang disiksa, lalu baginda bersabda: “Sesungguhnya kedua-duanya sedang disiksa, dan tidaklah kedua-duanya disiksa disebabkan oleh perkara-perkara yang besar. Adapun salah seorang daripada mereka dahulunya sering tidak bersuci daripada kencing. Sedangkan yang lainnya dahulu sering mengadu domba.” Kemudian baginda mengambil sebatang pelepah tamar yang masih basah lalu membelahnya menjadi dua bahagian. Kemudian baginda memacakkannya pada setiap kubur satu bahagian. Mereka (para sahabat) bertanya: “Wahai Rasulullah, kenapa engkau melakukan hal ini?” Maka baginda pun menjawab: “Semoga diringankan (azab seksaan) daripada mereka berdua selagi dua belahan pelepah ini tidak kering.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 218)

Berdasarkan hadis ini, Imam Ibnu Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitab *Tuhfah al-Muhtaj fi Syarh al-Minhaj wa Hawasyi al-Syirwani wa al-'Ibadi* berpandangan bahawa:

يُسْنُ وَضْعَ جَرِيدَةٍ خَضْرَاءَ عَلَى الْقَبْرِ لِلِاتِّبَاعِ وَسَنَدُهُ صَحِيحٌ وَلِأَنَّهُ يُخَفِّفُ عَنْهُ بَرَكَةَ تَسْبِيحِهَا

Maksudnya: “Sunat meletakkan pelepah (tumbuhan) yang hijau di atas kubur kerana mengikut perbuatan Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam dan sanadnya adalah sahih. Hal ini adalah kerana dapat meringankan azab ke atas mayat dengan keberkatannya bertasbih ...”

Selain itu, Syeikh Abu Bakar Utsman ad-Dimyathi *Rahimahullah* dalam l’*anah at-Thalibin* turut menyatakan tentang keharusan meletakkan pelepah tamar yang masih hijau di kubur kerana dapat meringankan azab si mati atas keberkatan tasbih pohon tersebut dan hal demikian disamakan dengan adat kebiasaan iaitu menaburkan bunga yang harum dan lembab atau masih segar.

Meskipun dalam Islam mengharuskan sesuatu tumbuhan atau bunga diletakkan di atas kubur sebagai medium perantaraan yang dapat bertasbih kepada Allah, namun terdapat larangan lain yang ditegah untuk dilakukan oleh seseorang apabila menziarahi kubur. Ini berdasarkan keputusan dalam Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-14 yang bersidang pada 9 Syaaban 1429 Hijri bersamaan 11 Ogos 2008 Masihi memutuskan bahawa:

1. Amalan membawa bunga secara sederhana dengan niat mewangikan kawasan kuburan adalah diharuskan; dan
2. Amalan membawa kalungan atau jambangan bunga semasa menziarahi kubur adalah dilarang kerana:
 - a. Mempunyai unsur persamaan dengan amalan dan ajaran agama lain.
 - b. Pembaziran yang nyata

Berdasarkan keputusan fatwa tersebut, bahawa larangan bagi meletakkan kalungan atau jambangan bunga ketika menziarahi kubur kerana terdapat penyerupaan perbuatan dan amalan agama selain Islam dan membawa kepada pembaziran.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa hukum membawa bunga apabila menziarahi kubur adalah diharuskan dalam Islam dengan syaratnya hendaklah dilakukan secara sederhana dan sekadar mewangikan kawasan perkuburan.

جَابِتْرُ مُفْتِي سَرَاوَقْ
JABATAN MUFTI SARAWAK